

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Sunday, May 6, 2018 12:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohammad Zaki bin Ahmad
Subject: Kejohanan SUKUUM Antara Inasis Fasa 1, 2018



06 MEI 2018 / 20 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KEJOHANAN SUKUUM ANTARA INASIS FASA 1, 2018



PSUKAN ONLINE : Inasis SME Bank menjuarai acara futsal lelaki manakala Inasis Sime Darby menjuarai acara bola jaring dalam Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) Antara Inasis fasa 1, 2018 baru-baru ini bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UUM.

Dalam acara futsal lelaki, Inasis SME Bank telah dinobatkan sebagai juara setelah menewaskan Inasis MISC dengan jaringan 2-1 dalam aksi akhir sekaligus membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM300 berserta dengan sijil manakala naib johan membawa pulang RM 200 berserta sijil. Tempat ketiga bersama dimenangi Inasis TNB dan Inasis TM yang membawa pulang RM 100 setelah tewas dalam aksi separuh akhir.

Acara akhir bola jaring pula menyaksikan pasukan Inasis Sime Darby membawa pulang RM 300 beserta sijil setelah menewaskan pasukan Inasis SME Bank dalam aksi akhir manakala tempat ketiga bersama dimenangi Inasis Bank Rakyat dan Bank Muamalat.

Bagi acara tenis pula, acara perseorangan lelaki dimenangi oleh Muhammad Anis Alaudin bin Anas dari Inasis SME Bank apabila menewaskan Mohd Iqbal bin Azahari dari Inasis Bank Rakyat dalam aksi akhir sekaligus membawa pulang hadiah RM 70 sebagai juara manakala naib juara membawa pulang RM 60. Tempat ketiga bersama membawa pulang RM 50 yang dimenangi oleh Farith Emier Farhan bin Morni dari Inasis Bank Rakyat dan Muhammad Azmeer bin Azizi dari Inasis Proton.

Acara akhir perseorangan wanita Aisyah bt Rushan dari Inasis Sime Darby dinobatkan sebagai juara apabila berjaya menewaskan Yasmen Nadhrah bt Mohd Abdilah dari Inasis SME Bank. Dalam acara bergu lelaki pula menyaksikan Inasis Petronas berjaya merangkul johan dan naib johan setelah dua pasukan mereka beraksi dalam aksi akhir. Inasis Petronas berjaya membawa pulang RM 140 sebagai johan dan naib johan RM 120. Tempat ketiga bersama dimenangi pasukan Inasis Bank Rakyat dan Inasis TM yang membawa pulang wang tunai RM 100.

Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) Antara Inasis fasa 1, 2018 ini adalah anjuran Pusat Sukan UUM dengan kerjasama Inasis UUM yang berlangsung pada 4-5 Mei 2018 yang melibatkan 3 acara sukan iaitu futsal lelaki, bola jaring dan tenis.

Pusat Sukan selaku penganjur yakin dengan sambutan yang sangat menggalakkan kali ini, kejohanan ini akan diteruskan pada masa akan datang sebagai sukan utama tahunan peringkat UUM dalam mewujudkan landasan terbaik khusus untuk mahasiswa mahasiswi UUM lebih aktif dalam bersukan.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.